



POLISI

ANTI-RASUAH DAN FRAUD

KWSP

KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	1
2.	TUJUAN	1
3.	SKOP DAN PEMAKAIAN	1
4.	DEFINISI	2
5.	KESALAHAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)	3
6.	PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA	5
7.	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK LUAR	5
8.	MEMBUAT LAPORAN, ADUAN DAN MEMBERI MAKLUMAT	6
9.	PINDAAN/PENGEMASKINIAN	6
10.	TARIKH KUAT KUASA	6

1. PENGENALAN

- 1.1 KWSP komited untuk mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) berkaitan kesalahan rasuah, fraud, penyelewengan, pecah amanah dan salah guna kuasa serta mana-mana undang-undang lain berkaitan selaras dengan prinsip pencegahan, pengesanan dan tindak balas berpandukan piawaian antarabangsa ISO 37001 – Sistem Pengurusan Anti-Rasuah dan ISO 37003 – Sistem Pengurusan Kawalan Fraud.
- 1.2 KWSP mengamalkan **Toleransi Sifar** terhadap sebarang bentuk rasuah dan/atau fraud, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam semua operasi dan urus niaga.

2. TUJUAN

- 2.1 Polisi ini dibangunkan sebagai sumber rujukan berkenaan tata kelakuan, pencegahan serta pelaporan sebarang bentuk rasuah, salah laku dan/atau fraud.
- 2.2 Polisi ini mematuhi prinsip **T.R.U.S.T** (Top Level Commitment, Risk Assessment, Undertake Control Measures, Systematic Review, Monitoring & Enforcement, Training & Communication) sebagai *defence mechanism* di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018).

3. SKOP DAN PEMAKAIAN

- 3.1 Terpakai kepada semua anggota KWSP, Lembaga Pengarah KWSP, termasuk Anak Syarikat Milik Penuh KWSP, di dalam dan/atau di luar negara.
- 3.2 Terpakai kepada semua pihak yang berurusan dengan KWSP: kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, majikan, ejen atau pihak ketiga lain.

4. DEFINISI BAGI TUJUAN POLISI INI

4.1 Rasuah

"Rasuah" merujuk kepada penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

4.2 Fraud

"Fraud" termasuk pembuatan sebarang pernyataan fakta yang palsu; penyembunyian sebarang fakta; apa-apa tindakan yang dibuat dengan niat untuk memperdaya atau apa-apa tindakan yang dibuat yang ditetapkan di bawah undang-undang sebagai fraud; oleh anggota KWSP atau mana-mana orang yang berurusan dengan KWSP di mana tindakan tersebut dibuat dengan niat untuk menipu, sama ada atau tidak yang boleh menyebabkan sebarang kerugian (dalam bentuk kewangan, reputasi atau nama baik) telah ditanggung oleh KWSP, anggota, ahli, majikan atau mana-mana orang yang berurusan dengan KWSP disebabkan tindakan tersebut.

4.3 PEGAWAI BADAN AWAM

"Pegawai Badan Awam" yang ditafsirkan dalam Seksyen 3 Akta 694, ertinya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pengkhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu

4.4 PERLAKUAN-PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Jenis	Maksud / Contoh
Transactive	Persetujuan untuk memberi atau menerima rasuah.
Extortive	Ugutan dengan tujuan untuk tidak ambil tindakan
Defensive	Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan
Investive	Bayaran untuk menjamin balasan atau habuan pada masa hadapan
Nepotisme	Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi, saudara, keluarga atau sekutu
Autogenic	Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi
Supportive	Penempatan proksi atau kroni di tempat strategik (hotspot) dalam organisasi

KWSP bertanggungjawab melaporkan kepada pihak berkuasa yang berkaitan apabila wujudnya pelanggaran undang-undang yang diketahui melibatkan mana-mana Anggota KWSP dan/atau pihak ketiga.

5. KESALAHAN DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 (AKTA 694)

5.1 KESALAHAN MENERIMA SUAPAN DI BAWAH SEKSYEN 16, AKTA 694.

- a) Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.

5.2 KESALAHAN MEMBERI ATAU MENERIMA SUAPAN OLEH EJEN DI BAWAH SEKSYEN 17, AKTA 694.

- a) Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau

- b) Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.

5.3 KESALAHAN MEMBUAT TUNTUTAN PALSU DI BAWAH SEKSYEN 18, AKTA 694.

- a) Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir maklumat, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

5.4 KESALAHAN MENYOGOK PEGAWAI BADAN AWAM DI BAWAH SEKSYEN 21, AKTA 694.

- a) Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.

5.5 KESALAHAN MENGGUNAKAN JAWATAN ATAU KEDUDUKAN UNTUK SUAPAN DI BAWAH SEKSYEN 23, AKTA 694.

- a) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

6. PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUAT KUASA

6.1 AKTA RAHSIA RASMI 1972.

Rahsia rasmi adalah apa-apa suratan yang dinyatakan di dalam jadual dan apa-apa maklumat dan berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar', 'Rahsia', 'Sulit' atau 'Terhad', mengikut mana yang berkenan oleh seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah Seksyen 2B Akta Rahsia Rasmi 1972.

6.2 KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

Kanun Keseksaan merupakan undang-undang utama yang mengendalikan perundangan jenayah di Malaysia termasuklah kesalahan jenayah berkaitan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Kesalahan berkaitan jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa boleh disabitkan di bawah Seksyen 161, 162, 163, 164,165,166 dan 167.

6.3 KAEDAH-KAEDAH KWSP (KELAKUAN TATATERTIB) 1993

Anggota KWSP hendaklah sentiasa mematuhi Polisi dan sekiranya terdapat pelanggaran Polisi, tindakan tatatertib boleh diambil mengikut Kaedah-Kaedah Kelakuan Tatatertib (Pindaan) 1993.

7. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK LUAR

Semua pihak yang berurusan dengan KWSP bertanggungjawab dalam mematuhi dan menyokong usaha-usaha anti-rasuah dalam setiap urusan niaga dan perkhidmatan.

Semua pihak yang berurusan dengan KWSP hendaklah melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dan/atau fraud ke Jabatan Integriti & Tadbir Urus, KWSP dan/atau pihak penguatkuasaan yang berkaitan melalui saluran pengaduan sedia ada.

8. MEMBUAT LAPORAN, ADUAN DAN MEMBERI MAKLUMAT

Sebarang laporan/aduan/maklumat boleh dikemukakan melalui saluran aduan KWSP atau saluran aduan yang bersesuaian.

9. PINDAAN / PENGEMASKINIAN

9.1 Cadangan pindaan ke atas polisi ini hendaklah dirujuk kepada Pengurusan Tertinggi untuk perakuan bagi tujuan mendapatkan kelulusan Lembaga dan/atau Jawatankuasa Lembaga.

9.2 Pengemaskinian Polisi yang bersifat kosmetik dan bukan substantif dalam Polisi ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Integriti & Tadbir Urus (JITU) dengan kelulusan Pengurusan Tertinggi.

10. TARIKH KUAT KUASA

Pindaan polisi ini telah diluluskan melalui Mesyuarat BRMSC Bil. 01/2026 bagi menggantikan polisi sedia ada, **berkuat kuasa mulai 9 Februari 2026.**